

▼12/03/17-04151

CNS6310

U GB 12-03 00171 BH581

BAH

Mahathir - Sultan

ISU SULTAN KELANTAN: TERPULANGLAH KPD PIHRK BERKENAAN UNTUK KAJI ALOR SETAR, 12 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, terpulanglah kepada pihak-pihak berkenaan samaada hendak mengkaji atau sebali knya mengenai kedudukan Sultan Kelantan.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mengetahui samaadaapa yang disuarakan Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Shahidan Kassim mengenai kedudukan Sultan Kelantan itu berasas ataupun tidak.

“Terpulang pada pihak-pihak berkenaan samaada hendak mengkaj i apa yang dikatakan Shahidan itu dan samaadaia berasas ataupun tidak,” katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, hari ini.

Ketika berucap membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 pada persidangan khas Dewan Rakyat, Selasa lepas, Shahidan mempertikaikan perlantikan Sultan Kelantan sebelum ini iaitu Tengku yahya Petra.

Mengenai langkah Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) hendak menaikkan kadar bayaran perkhidmatan sehingga 190 peratus, Dr Mahathir berkata, kadar bayaran rawatan oleh doktor swastabiasanya tidak ditentukan MMA tetapi dibuat sendiri oleh doktor berkenaan. -- Lagi.

▼12/03/18-11MST

CNS6311

U GB 12-03 00153 BH582

BAH

Mahathir - Sultan 2 (Akhir) Alor Setar

Beliau bagaimanapun percaya para doktor swasta tidak akan mengenakan kadar sebegitu tinggi dan MMA hendaklah menjelaskan mengapa kadar bayaran sebegitu tinggi hendak dikenakan.

Xetika ditanya samaada wajar tindakan itu, beliau berkata, kerajaan tidak mahu berlaku sebarang kenaikan, malahan semua harga apa juapun hendaklah berada tetap padaparas yang rendah.

Dr Mahathir tiba di sini hersama isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali untuk menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Abidin, Sungai Laka, Changloon, hari ini.

Sementara itu di Titi Gajah, di sini, Dr Siti Hasmah yang juga Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) menyampaikan bantuan berupa pakaian dan makanan untuk golongan miskin di Daerah Kubang Pasu dan negeri Perlis.

Bantuan itu disampaikan kepada isteri Menteri Besar Perlis dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu. -- Bernama.

▼12/03/18-12MST

R SB 12-03 00171 BA812